

Headline	RM6 juta bina Gambir Square		
MediaTitle	Sinar Harian (Johor)		
Date	09 Feb 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	42	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	367 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,571
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,712



RM6 juta bina Gambir Square

Terminal bus dan teksi itu dijangka siap dua tahun lagi

TANGKAK - Pelaksanaan projek terminal bus dan teksi di pekan Bukit Gambir, di sini, memberi kelegaan kepada penduduk sekitar termasuk pemandu bus dan teksi setelah menantikannya hampir lima tahun.

Adun Gambir, Datuk M Asojan berkata, projek terminal dikenali sebagai Gambir Square yang dirancang sejak 2011 itu menghadapi kelewatan berikutan terdapat perubahan dalam rekaan dan ia terpaksa ditukar bagi memberi kemudahan kepada semua pihak.

"Sebelum ini, perancangan untuk membina terminal Gambir Square ini tiada dalam rangka rancangan tempatan. Jadi apabila saya menjadi Exco pada ketika itu perkara ini diajukan sebelum mendapat persetujuan kerajaan negeri secara berdasar pada 2011.

"Bagaimanapun setelah mendapat kelulusan, kita menghadapi kesukaran daripada segi rekaan kerana kita tidak mahu mewujudkan terminal bertingkat," katanya.

Jelasnya, terminal bus dan teksi secara bertingkat akan menyukarkan orang ramai termasuk golongan peniaga.

Mohamed Khaled (kanan) ketika menyempurnakan majlis pecah tanah terminal bus dan teksi di pekan Bukit Gambir, Tangkak, baru-baru ini.

Gambir Square bakal menyediakan 10 lot bus dan hampir 20 lot untuk teksi. Ia juga turut melibatkan 20 unit lot kedai di mana premis kedai itu akan dibina secara dua dan tiga tingkat. - Asojan

"Sering berlaku apabila orang yang duduk di tingkat satu jarang menerima kehadiran pengunjung. Kebanyakan mereka hanya tertumpu di aras bawah.

"Justeru, rekaan baru ini menepati cita rasa menteri besar yang berhasrat agar semua golongan termasuk peniaga mendapat kesamarataan," katanya.

Asojan berkata, sebelum ini juga, rekaan terminal hanya membabitkan tiga parkir bus sebelum ditambah kepada 10 parkir.

"Gambir Square bakal menyediakan 10 lot bus dan hampir 20 lot untuk teksi. Ia juga turut melibatkan 20 unit lot kedai di mana premis kedai itu akan dibina secara dua dan tiga tingkat.

"Kita yakin dengan kemudahan yang disediakan, penduduk akan merasai manfaat besar kerana pengguna-pengguna angkutan awam sebelum ini terpaksa bersesak di susur jalan di bawah pokok berhadapan kompleks pasar tani.

"Selepas ini mereka mempunyai tempat yang sistematik dan strategik untuk menunggu. Malah pemandu bus dan teksi juga dapat mengambil dan menurunkan penumpang dengan lebih selesa," katanya.

Terdahulu projek Majlis Pecah Tanah Gambir Square telah dirasmikan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin ketika membuat lawatan di sekitar Parlimen Ledang, baru-baru ini.

Projek Gambir Square yang bakal dilaksanakan bulan ini dijangka siap dua tahun lagi membabitkan kos RM6 juta.

Bagaimanapun, menurut Asojan, pihaknya memohon kontraktor agar menyiapkan stesen bus terlebih dahulu berdasarkan permintaan tinggi terhadap pengangkutan awam itu sebelum diteruskan untuk perhentian teksi.

